



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**PROGRAM PEMUKIMAN TOK BATIN DAN JKKK ORANG ASLI  
BERSAMA YB MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH**

**DEWAN D, MAEPS,  
SERDANG**

**7 FEBRUARI 2017 (RABU)  
WAKTU : 3.00 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmaanirrahiim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh Salam Sejahtera Dan Salam  
Negeraku Malaysia

### **SALUTASI SEWAJARNYA**

1. Pertama sekali, saya ingin melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana kita semua dapat bertemu di dalam majlis Program Pemukiman Tok Batin dan JKKK Orang Asli Bersama YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada hari yang indah ini.
2. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang telah mengatur dan memberi peluang kepada saya untuk turut hadir bersama-sama dalam majlis ini.
3. Saya difahamkan bahawa seramai 604 orang Tok Batin dan 268 orang JKKK Orang Asli (JKKKOA) yang hadir. Kehadiran ini terdiri daripada kesemua 18 suku kaum Orang Asli yang ada di negara ini, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua Tok Batin dan JKKKOA yang telah meluangkan masa untuk sama-sama berhimpun pada hari ini.

### **Hadirin-hadirat sekalian,**

4. Kementerian amat mengambil berat mengenai kepentingan peranan Tok Batin dan JKKKOA dalam membangunkan corak pemikiran, gaya hidup dan matlamat masyarakat Orang Asli di seluruh Negara.
5. **Kementerian melalui JAKOA sentiasa mengadakan pelbagai jenis program bersama Tok Batin dan JKKKOA seperti Bengkel Penyemakan Garis Panduan Tok Batin, Program Sijil Tadbir Urus Desa (kerjasama dengan INFRA) dan Simposium Tok Batin dan JKKK Orang Asli.**
6. Program-program sebegini diadakan bagi meningkatkan keberkesanan kepimpinan Tok Batin dan JKKKOA agar dapat membawa masyarakat Orang Asli untuk memahami dan menghayati dasar-dasar Kerajaan.
7. Kerajaan yang dipimpin oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak turut mengambil berat akan kepentingan kepimpinan Tok Batin dan JKKKOA dalam

memacu masyarakat Orang Asli di seluruh Negara. **Keperihatinan YAB Perdana Menteri kita dibuktikan dalam Pembentangan Bajet 2018 baru-baru ini apabila beliau mengumumkan Bayaran Khas *One-Off* sebanyak RM1,500 yang akan dibayar dua kali iaitu RM1,000 yang akan diterima oleh semua Tok Batin dan JKKKOA pada hari ini dan RM500 sempena Aidilfitri kelak.**

8. Saya berharap, dengan pemberian bayaran khas ini, semua Tok Batin dan JKKKOA akan lebih bersemangat dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan untuk memimpin masyarakat Orang Asli agar menjadi satu masyarakat yang maju dan membangun seiring dengan masyarakat lain di negara ini.

**Hadirin-hadirat sekalian,**

9. Pihak kerajaan ketika ini sedang giat membangunkan kemudahan infrastruktur di kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli. Kementerian menjangkakan menjelang tahun 2023, masyarakat Orang Asli di negara ini akan menerima kemudahan infrastruktur yang lengkap. Kemudahan itu termasuklah jalan, bekalan elektrik dan air terawat selain keperluan asas yang lebih sempurna.

10. Pada masa ini kementerian telah menyediakan kemudahan jalan kampung sebanyak 84 peratus, bekalan elektrik (80 peratus), bekalan air (79 peratus) dan sebanyak 82 peratus Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) daripada keseluruhan 853 buah perkampungan Orang Asli yang berdaftar di seluruh negara. Kementerian berharap menjelang tahun 2023, semua kemudahan tersebut akan disediakan sepenuhnya 100 peratus, sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli di seluruh negara.

11. Kita semua telah sedia maklum, **dalam Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, sejumlah RM60 juta diperuntukkan untuk Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli.** Peruntukan ini merangkumi projek infrastruktur iaitu projek-projek pembinaan jalan, prasarana dan Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) yang akan diteruskan pada tahun 2018 ini.

12. Peruntukan yang disalurkan ini bertujuan untuk memastikan masyarakat Orang Asli dapat bersama-sama menikmati arus pembangunan yang sedang dikecapi oleh seluruh rakyat Malaysia ketika ini.

**Hadirin-hadirat sekalian,**

13. Usaha meningkatkan tahap pendidikan di kalangan pelajar Orang Asli masih menjadi agenda utama kementerian. Usaha ini perlu digiatkan dengan cara

menambah infrastruktur dan bantuan pendidikan serta penerapan terhadap kempen kesedaran mengenai kepentingan pendidikan.

14. Justeru itu, pembangunan pendidikan Orang Asli tetap menjadi keutamaan. **Kita telah berjaya mengurangkan kadar keciciran pelajar sekolah rendah (darjah 6 ke tingkatan 1) daripada 20 peratus pada tahun 2015 kepada 16.75 peratus pada tahun 2017.**

15. Kementerian juga sentiasa berusaha meningkatkan tahap pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Kita mahu lebih ramai pelajar Orang Asli dapat belajar di sekolah berasrama penuh. **Sehingga penghujung Januari 2018, seramai 40 pelajar berada di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP), 56 pelajar di MRSM dan 6 pelajar sedang menuntut di Maktab Tentera DiRaja. Jumlah keseluruhan adalah seramai 102 pelajar yang sedang menuntut di sekolah berasrama penuh.**

16. Untuk makluman, sehingga kini terdapat seramai 845 pelajar Orang Asli sedang menuntut di peringkat IPTA dalam pelbagai jurusan. **Daripada jumlah tersebut, seramai 394 pelajar sedang menuntut di peringkat diploma, 354 orang di peringkat ijazah dan 97 orang sedang menuntut di peringkat matrikulasi dan sijil. Kita juga berbangga apabila sehingga kini terdapat seramai 5 Orang Asli yang memiliki PHD dan seramai 6 orang yang sedang menyambung pengajian di peringkat PHD.** Jika dilihat daripada jumlah tersebut, kita dapati bahawa masyarakat Orang Asli kini telah mempunyai kesedaran mengenai kepentingan pendidikan.

17. Pihak kementerian melalui JAKOA sentiasa memastikan kejayaan masyarakat Orang Asli dalam bidang pendidikan. Oleh yang demikian, kementerian telah menetapkan kepada JAKOA untuk sentiasa memastikan setiap tahun, sekurang-kurangnya 15 orang pelajar Orang Asli berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara melalui Program Ijazah Luar Negara (PILN) ke beberapa buah negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, India dan Korea Selatan. **Sejak program penghantaran pelajar Orang Asli dari tahun 2010 sehingga tahun 2017, seramai 87 orang pelajar telah berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara.**

**Hadirin-hadirat sekalian,**

18. Selain daripada tumpuan dalam bidang akademik, pihak kementerian melalui JAKOA juga turut memberi perhatian terhadap **pembangunan kemahiran dan kerjaya masyarakat Orang Asli melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) JAKOA.** Ia itu program meningkatkan kemahiran belia-beliau Orang Asli supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau dapat mengusahakan

perniagaan sendiri yang boleh memberi pendapatan yang lebih tinggi dan dapat keluar daripada belunggu kemiskinan.

19. PLKK juga salah satu inisiatif kementerian melalui JAKOA mendekati masyarakat Orang Asli dari segi peningkatan taraf ekonomi serta dalam masa yang sama memperkukuhkan modal insan. **Para peserta dilatih meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang antaranya pengurusan peruncitan, servis motosikal, oil & gas, membaiki komputer, seni solekan, membaiki telefon pintar, kimpalan dan banyak lagi.**

20. **Program PLKK ini telah dilaksanakan mulai tahun 2011 dan sehingga 2017, seramai 6,541 pelatih telah berjaya mengikuti program tersebut.** Keberkesanan dan keberhasilan PLKK akan melahirkan masyarakat Orang Asli yang mampu meningkatkan taraf ekonomi masing-masing melalui kerjaya, di samping sikap berdaya saing dan pengukuhan modal insan.

21. Inilah matlamat kerajaan yang bukan hanya mampu meningkatkan taraf kehidupan rakyat tetapi juga menyediakan tenaga kerja berkemahiran selaras dengan keperluan pembangunan negara pada masa hadapan.

**Hadirin-hadirat sekalian,**

22. Saya amat berharap melalui Program Pemukiman Tok Batin dan JKKK Orang Asli Bersama YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini, kita dapat melihat keberkesanan kepimpinan Tok Batin dan JKKKOA pada masa hadapan dan semoga program ini dapat mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan.

23. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu JAKOA atas jemputan merasmikan program ini. Begitu juga kepada dif-dif jemputan, Tok Batin dan JKKKOA, rakan-rakan media yang bersama-sama hadir dalam program ini.

**24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program Pemukiman Tok Batin dan JKKK Orang Asli Bersama YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Tahun 2018.**

Sekian, terima kasih.